
Keperluan Dan Cabaran Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Kepada Murid Berkeperluan Khas

Rosli Suyot¹, Normadiyahana Abdullah², Abu Yazid Abu Bakar³

^{1,2} *Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia,
62604 Putrajaya, Malaysia.*

E-mail: rosli.suyot@moe.gov.my, normadiyahana.abdullah@moe.gov.my

³ *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
E-mail: yazid3338@ukm.edu.my*

Abstract

Guidance and counseling services have long been carried out in the schools of the Ministry of Education of Malaysia. The target of this service is not only aimed at typical or mainstream students, but also provided to students with special needs (SSN). In providing this service to SSN there are challenges faced by guidance and counseling teachers (GCT) due to lack of willingness, knowledge, skills and confidence to provide special guidance and counseling for them. This raises a number of issues that need to be addressed by the appropriate parties so that the guidance and counseling services offered can be carried out effectively. In addressing the issue, the strengthening of training modules and counseling courses for students with special needs, attachment programs and professional sharing are proposed so that the goals outlined are achieved.

Keywords : *Guidance and counseling services; issues of students with special needs; training modules; counseling courses; attachment programs; professional sharing*

Abstrak

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling telah lama dijalankan di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Sasaran kepada perkhidmatan ini bukan sahaja ditujukan kepada murid tipikal atau aliran perdana, malahan turut disediakan kepada murid berkeperluan khas (MBK). Dalam memberikan perkhidmatan ini kepada MBK terdapat cabaran yang dihadapi oleh guru bimbingan dan kaunseling (GBK) kerana kurangnya kesediaan, pengetahuan, kemahiran dan keyakinan untuk memberikan bimbingan dan kaunseling khas untuk mereka. Hal ini menimbulkan beberapa isu yang perlu ditangani oleh pihak sewajarnya supaya perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang tawarkan dapat dijalankan secara berkesan. Dalam menangani isu yang berlaku, pemantapan modul latihan dan kursus kaunseling murid berkeperluan khas, program sangkutan dan *professional sharing* dicadangkan agar matlamat yang digariskan tercapai.

Kata kunci : Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling; isu murid berkeperluan khas; modul latihan; kursus kaunseling; program sangkutan; perkongsian profesional

I. PENGENALAN

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling telah lama di berikan di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Perkhidmatan yang diberikan semakin berkembang dari tahun ke tahun dan telah diterima oleh masyarakat. Rohaida Bakar (2017) menyatakan, masyarakat kini dapat menerima perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dengan baik sebagai salah satu cara membantu menyelesaikan isu yang dihadapi dalam kehidupan seharian. [6]

Kini perkhidmatan bimbingan dan kaunseling melalui KPM telah memperluaskan tumpuan

perkhidmatannya kepada empat bidang utama iaitu bidang pembangunan sahsiah, bidang pemantapan disiplin, bidang perkembangan kerjaya dan bidang psikososial dan kesejahteraan mental (Buku Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Rendah dan Menengah KPM (2015); Surat Siaran KPM 12 (2012) [2][7]. Bidang perkhidmatan ini bukan sahaja disasarkan kepada murid biasa atau tipikal di sekolah bahkan merangkumi murid berkeperluan khas (MBK).

KPM, 2012 dalam Norafifah Bali (2018), telah menyediakan garis panduan khusus dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap MBK, iaitu memberikan

perkhidmatan bimbingan dan kaunseling khas, memberi penekanan dalam aspek kebajikan, kemudahan, *soft skills*, dan hala tuju kerjaya terhadap MBK, dan membantu pelajar normal menerima MBK [6]. Hal ini menunjukkan KPM telah mengambil langkah proaktif dalam memastikan MBK tidak terpinggir untuk memperoleh perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Menurut Rohaida (2017), penempatan guru kaunseling ke sekolah-sekolah pendidikan khas tidak mengambil kira sama ada guru bimbingan dan kaunseling (GBK) tersebut mempunyai pengalaman atau tidak dalam bidang pendidikan khas [9]. Hal ini adalah disebabkan kursus dan latihan GBK di Malaysia tidak mempunyai pengkhususan dalam mana-mana bidang pendidikan khas. Dapatan kajian menunjukkan guru kaunseling menyatakan rasa kurang yakin mengendalikan kaunseling klien berkeperluan khas. Justeru, isu ini telah menjadi cabaran bagi GBK, dalam menyampaikan perkhidmatan mereka kepada MBK.

II. KAJIAN LITERATUR

A. Perkhidmatan Terhadap Aspek Kaunseling Khas, Kebajikan Dan Kemudahan.

Melalui garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak KPM berkaitan tugas dan peranan GBK terhadap MBK, guru bimbingan dan kaunseling hendaklah menjalankan perkhidmatan kaunseling khas serta menjaga keperluan kebajikan dan kemudahan MBK. Rohaida (2017), menyatakan sangat wajar bidang bimbingan dan kaunseling memberikan perhatian kepada klien berkeperluan khas memandangkan mereka memerlukan pakar untuk membantu perkembangan dan mengatasi masalah emosi yang mereka hadapi [11].

Dalam memberikan perkhidmatan kepada MBK, guru kaunseling perlu memahami aspek silang budaya, iaitu dalam konteks ini adalah budaya murid berkeperluan khas yang merupakan orang kurang upaya (OKU). Budaya MBK atau OKU sudah semestinya berbeza dengan budaya murid normal atau tipikal. Hal ini menjadi cabaran kepada guru kaunseling yang perlu dihadapi dalam memberikan perkhidmatan yang berkesan. Norafifah Bali (2017) menyatakan apabila MBK mengikuti program-program ini, pertembungan antara budaya antara pelajar MBK dan pelajar aliran perdana telah berlaku. Mereka telah didedahkan dengan persekitaran budaya yang berbeza sehingga memberi cabaran kepada MBK terhadap keupayaan mereka beradaptasi dengan persekitaran. Justeru guru bimbingan dan kaunseling perlu lebih kreatif dan membuat

inovasi supaya proses bimbingan dan kaunseling yang khusus dan lebih sesuai dapat dijana dan diimplimentasikan terhadap klien MBK [5].

Bagi aspek kebajikan dan kemudahan pula, perkhidmatan yang diberikan hendaklah lebih berfokus dan berbeza terhadap MBK berbanding murid tipikal. Dengan menggunakan pendekatan yang sama akan mengabaikan kebajikan terhadap MBK dan kemudahan yang sewajarnya tidak diberikan. R. Ibrahim (2016) menyatakan pemilihan bidang pendidikan adalah satu proses yang kompleks dan sukar [9]. Zakaria et. al (2020) menyatakan bahawa ramai pelajar yang masih mempunyai masalah dalam pemilihan bidang pendidikan mereka. Malah, masalah ini menjadi semakin besar untuk murid pencapaian akademik rendah, murid bermasalah dan murid berisiko tinggi. Ini termasuklah Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran kerana mereka sering dikaitkan dengan kekurangan dalam akademik, sosial dan tingkah laku [13].

Guru bimbingan dan kaunseling juga perlu lebih sensitif terhadap kebajikan dan kemudahan MBK. Terutamanya dalam aspek emosi dan psikologi, guru kaunseling merupakan pakar di sekolah dalam aspek tersebut. Keperhatian guru kaunseling untuk mengenalpasti isu yang berlaku dalam kalangan MBK perlu ditingkatkan agar kebajikan dan kemudahan mereka tidak terabai. Rohaida (2017), menyatakan sangat wajar bidang bimbingan dan kaunseling memberikan perhatian kepada klien berkeperluan khas memandangkan mereka memerlukan pakar untuk membantu perkembangan dan mengatasi masalah emosi yang mereka hadapi [11].

Nor Radhiah dan Abu Yazid (2017) menyatakan, tanpa bantuan dan pertolongan dari pihak yang sewajarnya mungkin menyebabkan mereka mempunyai persepsi sendiri yang salah dan berpotensi membentuk sikap serta pemikiran yang negatif dalam kalangan individu OKU ini. Di samping itu sokongan ahli keluarga dan masyarakat sekitar turut memainkan peranan dalam kelangsungan hidup golongan minoriti ini dapat dipupuk secara positif dan berkesan. Justeru bagi menggalakkan perkembangan sendiri yang positif dalam kalangan individu OKU, perkhidmatan kaunseling yang mampu memenuhi keperluan mereka wajar diwujudkan di dalam struktur sosial masyarakat [7].

Norafifah dan Mohamad (2019), meninjau pandangan guru-guru pendidikan khas tentang keperluan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas. Kedua-dua kajian mendapati guru-guru pendidikan khas memberikan pandangan yang positif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada golongan ini. Justeru guru bimbingan dan kaunseling perlu mengorak langkah

yang lebih berkesan supaya keperluan MBK ini dapat dipenuhi sekaligus menjaga kebajikan dan kemudahan yang diperlukan oleh mereka [6].

B. Perkhidmatan Terhadap Aspek Kemahiran Insaniah (soft skill) dan Kerjaya

Aspek kemahiran insaniah (soft skill) dan kerjaya MBK, merupakan salah satu fokus yang diutamakan dalam garis panduan KPM terhadap guru kaunseling. Hal ini sangat berkaitan dalam pembangunan dan kemajuan akademik dan juga halatuju kerjaya MBK setelah tamat persekolahan. Nur Rawaidah (2019) menyatakan pembangunan kerjaya adalah isu penting bagi pelajar berkeperluan khas di semua sekolah menengah. Pelajar memperolehi faedah daripada peluang-peluang di sekolah seperti pekerjaan separuh masa, penglibatan dalam kurikulum tambahan dan aktiviti-aktiviti komuniti, kerja sukarela, kaunseling dan penjelajahan kerjaya, dan aktiviti penilaian kerjaya [8].

Stuntzner dan Hartley (2016) dalam Nor Radhiah dan Abu Yazid (2017) menegaskan hakikat bahawa golongan OKU lazimnya kurang diberi latihan, maklumat serta pendedahan yang betul berkaitan dengan isu dan cabaran hidup bermasyarakat turut merumitkan keadaan kehidupan mereka. Oleh itu majoriti golongan OKU samada tidak menerima Latihan kemahiran ataupun tidak dibimbing untuk membuat pilihan/keputusan sendiri sejak dari kecil, mengakibatkan mereka lazimnya tidak berkemahiran atau berpengetahuan untuk berdikari apabila telah dewasa [7].

Peluang tersebut boleh membantu pelajar untuk membina kecederungan kerjaya mereka, memperolehi kemahiran pekerjaan *hands-on* fokus terhadap akademik pelajaran mereka dan membangunkan soft skill yang mesti dimiliki oleh seseorang pekerja yang efektif seperti kemahiran sosial dan interpersonal. Pembangunan kerjaya di sekolah menengah merupakan salah satu aktiviti pembangunan kerjaya dan pembelajaran sepanjang hayat yang membantu pencapaian peluang kerjaya professional. Justeru aktiviti kaunseling kerjaya yang bersesuaian hendaklah diberikan kepada MBK supaya matlamat pembinaan *soft skill* dan keyakinan diri dapat diwujudkan kepada mereka.

III. ISU-ISU DAN CABARAN PERKHIDMATAN KAUNSELING TERHADAP MURID BERKEPERLUAN KHAS

A. Pengetahuan dan Kemahiran GBK dalam mengendalikan MBK

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sewajarnya dapat disampaikan secara profesional

dan berkesan kepada klien. Namun terdapat isu yang berkaitan kurangnya kompetensi GBK dalam berhadapan dengan klien MBK. Sekiranya guru kaunseling kurang kompeten, ia akan membawa kepada perkhidmatan yang kurang berkesan seterusnya klien MBK tidak memperolehi khidmat yang sewajarnya.

Sazalia (2019), mendapati kajian menunjukkan GBK tiada latihan yang khusus untuk mengendalikan kaunseling kerjaya dalam kalangan murid berkeperluan khas. Ketiadaan latihan di institusi pendidikan yang melatih para guru mahupun latihan dalam profesional di sekolah berfokus kepada MBK menyukarkan GBK untuk mencapai keberhasilan dalam kemenjadian murid secara menyeluruh. Kondisi tersebut menunjukkan perkhidmatan kaunseling tidak menjalani proses transformasi seiring dengan keperluan pendidikan murid khususnya murid berkeperluan khas seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan Individu Kurang Upaya [12].

Nor Radhiah dan Abu Yazid (2017) mendapati majoriti program kaunseling dan psikologi sedia ada kurang memberikan fokus kepada populasi OKU disebabkan persepsi masyarakat umum yang lazimnya menganggap ia sebagai bukan satu keperluan yang penting untuk dilaksanakan. Hakikatnya sikap dan pandangan seumpama ini adalah kurang adil terhadap golongan OKU dan keluarga mereka [7].

Rohaida (2017) menyatakan, mutu latihan guru kaunseling di Malaysia dalam bidang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas perlu dipertingkatkan melalui program-program latihan sebagai usaha membangunkan kurikulum yang tersusun dengan mengambilkira keperluan dan perkembangan ilmu masa kini [11].

Sazalia (2019) tiada satu teori yang bertepatan dengan keperluan kaunseling kerjaya murid tersebut [12]. Walau bagaimanapun pembangunan kerjaya murid berkeperluan khas sangat bergantung pada peranan, kecekapan dan sikap kaunselor itu sendiri. Pendekatan dan strategi boleh diwujudkan sekiranya pengetahuan dan kemahiran GBK terhadap MBK diperdalamkan melalui latihan dan pendedahan yang berterusan.

Rohaida (2017) mendapati cabaran yang dihadapi oleh guru kaunseling dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas adalah cara meningkatkan kompetensi kerana kebanyakan guru kaunseling tidak mempunyai latihan khusus tentang pendidikan khas. Bagi guru kaunseling di sekolah khas masalah pendengaran, mereka terpaksa mempelajari satu kemahiran tambahan iaitu bahasa isyarat. Pihak sekolah membantu guru kaunseling menguasai bahasa

isyarat dengan menyediakan kursus dan kelas bahasa isyarat [11].

Justeru satu kurikulum khas perlu diwujudkan bagi memberikan latihan kepada guru bimbingan dan kaunseling dalam mendepani klien MBK agar perkhidmatan yang diberikan sejajar dengan keperluan khusus bagi mereka. Semua pihak yang berkaitan seperti KPM, universiti, Lembaga Kaunselor Malaysia serta badan bukan kerajaan yang berkaitan kaunseling hendaklah memainkan peranan agar MBK atau OKU ini dapat menerima perkhidmatan kaunseling yang berkesan dan sewajarnya.

B. Kesediaan GBK dalam memberikan perkhidmatan kepada MBK

Kesediaan guru kaunseling dalam memberikan perkhidmatan kepada MBK amat penting bagi memastikan perkhidmatan dapat diberikan dengan berkesan. Tanpa kesediaan diri, sesuatu perkhidmatan profesional itu tidak dapat dilaksanakan dengan cara yang betul dan tepat. Kurangnya kesediaan guru kaunseling terhadap klien MBK juga boleh mengakibatkan kurangnya penglibatan GBK dalam memberikan komitmen kepada aktiviti bersama MBK.

Kajian yang dijalankan oleh Sazalia (2019), mendapati kurangnya keterlibatan GBK ini menggambarkan ketidakseimbangan profesion tersebut dalam menjalankan perkhidmatannya yang lebih kepada murid tipikal semata-mata. Tanpa disedari murid berkeperluan khas ini juga amat memerlukan bimbingan seperti mana murid tipikal [12].

Kurangnya kesediaan guru kaunseling antaranya berpunca dari rendahnya tahap penguasaan terhadap teori dan pendekatan yang sesuai dengan MBK. Menurut Sazalia (2019), GBK tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam satu-satu teori, satu pendekatan dan satu strategi untuk melaksanakan kaunseling kerjaya murid berkeperluan khas [12].

Sekiranya kesediaan dan keterlibatan guru kaunseling berada pada tahap yang rendah, maka ia juga turut mempengaruhi tahap kepekaan guru kaunseling terhadap isu dan keperluan MBK. Menurut Norafifah Bali (2017), Isu kolaborasi antara GBK dan staf lain di sekolah telah menyebabkan kekangan dalam membekalkan perkhidmatan yang menyeluruh terhadap MBK. Kajian menunjukkan bahawa GBK kurang mendapat kerjasama daripada rakan sekerja berkaitan isu MBK. Antara sebab yang berkemungkinan menyebabkan kekangan kolaborasi antara GBK dan staf lain adalah kesedaran GBK sendiri mengenai kepekaan keperluan perkhidmatan terhadap MBK [4].

Selain itu Sazalia (2019), mendapati persepsi GBK dalam memberikan perkhidmatan terhadap MBK tidak mencerminkan GBK adalah seorang yang proaktif dalam membantu golongan tersebut. Ini berdasarkan dapatan kajiannya mengenai kesedaran guru kaunseling sekolah untuk menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya kepada klien MBK [12].

Untuk mewujudkan kesediaan dan keyakinan guru kaunseling dalam mendepani klien MBK, perlu kepada keterlibatan dan pendedahan yang berterusan. Melalui pendedahan ini, kedua-dua pihak iaitu GBK dan MBK akan saling memahami dan berlaku proses membina hubungan. Jika sekiranya pendedahan yang berlaku adalah kurang, maka ia akan memberikan kesan kepada tahap kesediaan guru kaunseling untuk berkomunikasi secara berkesan dengan MBK mengikut tahap kemampuan mereka.

Menurut Norafifah Bali (2017), isu komunikasi dengan MBK adalah disebabkan oleh kurangnya pendedahan GBK terhadap Orang Kurang Upaya di sekolah mahupun di luar sekolah [4]. Pendedahan terhadap budaya yang berbeza membantu seseorang untuk memahami budaya orang lain (Corey, 2013). Rohaida (2017), mendapati cabaran berkomunikasi dengan klien masalah pembelajaran adalah dari sudut kesukaran mereka memberi respons kerana pertuturan yang tidak jelas. Hal ini disebabkan penggunaan otak klien yang terhad. Oleh sebab itu, apabila berkomunikasi dengan klien, guru kaunseling hendaklah menyesuaikan laras bahasa yang mudah supaya dapat difahami oleh mereka [4].

Kurangnya kesediaan guru kaunseling untuk berkomunikasi dan terlibat dengan aktiviti MBK turut memberikan kesan kepada tahap hubungan dan kesediaan MBK untuk menerima perkhidmatan kaunseling. Rohaida (2017), mendapati cabaran yang seterusnya adalah kesukaran mendapatkan kepercayaan klien dan guru pendidikan khas. Semua klien berkeperluan khas boleh menerima guru kaunseling sekiranya guru kaunseling berjaya dalam proses membina hubungan dengan klien. Bagi klien berkeperluan khas masalah pendengaran, penerimaan mereka terhadap guru kaunseling bergantung kepada kebolehan guru berkomunikasi dalam bahasa isyarat dan kebolehan mendekati klien [11].

Justeru guru kaunseling hendaklah memperuntukkan masa di dalam jadual tugas mereka untuk menjalani aktiviti bersama MBK dan juga guru dan staf pendidikan khas. Melalui aktiviti bersama ini diharapkan akan mewujudkan hubungan dan perasaan saling memahami antara guru kaunseling dengan MBK lantas perkhidmatan kaunseling dapat diberikan dengan lebih berkesan.

C. Cadangan Pemantapan Perkhidmatan Perkhidmatan Kaunseling Kepada Murid Berkeperluan Khas

i. Pemantapan Modul Latihan Serta Kursus di Dalam dan Luar Negara.

Bagi memastikan perkhidmatan kaunseling dapat diberikan dengan berkesan, maka guru kaunseling juga mestilah kompeten untuk menjalankan tugasnya. Hal ini memerlukan latihan yang komprehensif dan menepati kepakaran yang diperlukan untuk berhadapan dengan kategori klien. Dalam konteks perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK, masih tidak terdapat latihan secara komprehensif kepada guru kaunseling dan pegamal kaunselor amnya di universiti-universiti dan pusat latihan di Malaysia.

Menurut Rohaida (2017), penempatan guru kaunseling ke sekolah-sekolah pendidikan khas tidak mengambil kira sama ada guru bimbingan dan kaunseling (GBK) tersebut mempunyai pengalaman atau tidak dalam bidang pendidikan khas. Hal ini adalah disebabkan kursus dan latihan GBK di Malaysia tidak mempunyai pengkhususan dalam mana-mana bidang pendidikan khas [11].

Justeru pihak yang sewajarnya seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM), universiti awam dan swasta, juga badan bukan kerajaan (NGO) perlu memainkan peranan dalam menggubal polisi dan dasar bagi mewujudkan kurikulum yang memenuhi keperluan klien khususnya MBK. Satu panel bertindak dan penggubal perlu diwujudkan bagi mengambil langkah proaktif dalam menangani isu ini.

Satu modul kurikulum latihan kaunselor perlu dibina supaya kaunselor yang dilahirkan berkemahiran dan mampu untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada MBK. Hal ini mungkin juga memerlukan kepada pewujudan bidang kepakaran khusus (subject matter expert) dan bidang kaunseling pendidikan khas. Ahli akademik dan pemegang polisi dan dasar latihan juga digalakkan meningkatkan kajian di dalam negara di samping mendapatkan kepakaran dari luar negara. Hal ini memerlukan pihak berkuasa menyediakan peruntukan bajet yang optima agar segala proses yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar dan mencapai matlamat yang disasarkan.

ii. Program Sangkutan Dan Professional Sharing.

Di Malaysia terdapat dua aliran sekolah yang menempatkan murid berkeperluan khas (MBK). Pertama adalah Sekolah Pendidikan Khas (SPK) yang terdiri dari sekolah rendah, sekolah menengah dan sekolah menengah vokasional pendidikan khas. Keseluruhan murid di sekolah-sekolah ini merupakan MBK. Ini menjadikan guru kaunseling sentiasa mendapat peluang untuk berinteraksi dengan MBK sepanjang sesi persekolahan. Pendedahan yang berterusan ini memungkinkan guru kaunseling di SPK lebih mahir dalam mengendalikan klien MBK sekaligus lebih kompeten dalam memberikan perkhidmatan.

Kategori kedua pula adalah sekolah aliran perdana intergrasi, di mana di sekolah-sekolah ini menempatkan majoriti murid tipikal dan sebahagian kecil muridnya adalah dalam kalangan MBK yang mengikuti Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) atau Program Pendidikan Inklusif (PKI). Guru kaunseling di sekolah-sekolah ini menjalankan perkhidmatan kepada dua golongan murid iaitu murid aliran perdana (tipikal) dan MBK. Keadaan ini mendatangkan cabaran dan isu kepada guru kaunseling bagaimana untuk memberikan perkhidmatan yang adil dan saksama.

Kajian yang dijalankan oleh Szalia (2019), mendapati kurangnya keterlibatan GBK ini menggambarkan ketidakseimbangan profesion tersebut dalam menjalankan perkhidmatannya yang lebih kepada murid tipikal semata-mata. Tanpa disedari murid berkeperluan khas ini juga amat memerlukan bimbingan seperti mana murid tipikal [12].

Kurangnya keterlibatan GBK kepada MBK menyebabkan kecekapan dan keperihatinan guru kaunseling terhadap MBK juga berkurangan. Sekiranya guru kaunseling terus menerus berada dalam keadaan ini maka kompetensi mereka terhadap MBK tidak akan berkembang. Dalam hal ini dicadangkan agar satu bentuk program sangkutan dijalankan, di mana guru kaunseling di Sekolah Aliran Perdana (SAP) di tempatkan di Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dalam satu jangkamasa tertentu. Proses ini adalah untuk melatih secara praktikal guru kaunseling supaya pengetahuan, kemahiran dan kefahaman dapat dibentuk melalui professional sharing dengan guru kaunseling yang bertugas di SPK.

Melalui cara ini guru kaunseling tersebut akan melalui fasa yang khusus bersama MBK secara sepenuh masa di samping mempelajari kaedah menyampaikan perkhidmatan kaunseling kepada MBK secara hands on. Dengan kaedah ini juga dapat mengurangkan bajet latihan yang perlu dikeluarkan kerana melalui program sangkutan ini

guru kaunseling hanya perlu diberikan gaji seperti biasa kerana dalam tempoh bertugas . Bajet untuk makan minum dan tuntutan perjalanan juga dapat dijimatkan seterusnya mengurangkan perbelanjaan negara.

IV. RUMUSAN

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling telah menjalani fasa yang panjang dalam sistem pendidikan negara Malaysia. Keperluannya semakin difahami dan diterima oleh masyarakat dalam membantu individu menangani isu psikologi dan kerjaya samada dalam bentuk aktiviti pengembangan, pencegahan dan pemulihan.

Namun perkhidmatan yang semakin berkembang ini menimbulkan isu yang diperkatakan kerana kompetensinya yang rendah terhadap golongan murid berkeperluan khas (MBK). Beberapa isu telah dikenalpasti yang menyebabkan timbul persoalan terhadap kecekapan perkhidmatan ini.




Justeru pandangan telah diberikan dan pihak-pihak yang sewajarnya diharapkan mengambil tindakan proaktif dalam memartabatkan profesion ini dengan memberikan perkhidmatan terbaik kepada klien. Diharapkan segala polisi dan dasar yang dirancang mengambil kira keperluan Murid Berkeperluan Khas.

RUJUKAN [IEEE FORMAT]

- [1] Abu Yazib Abu Bakar , Salleh Amat & Mohd Izwan Mahmud. 2018. Perkhidmatan Kaunseling Profesional dalam Komuniti . Bangi: Penerbit UKM.
- [2] Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Rendah dan Menengah, 2015.
- [3] Hajar, Dharatun, Aisyah, Restu & Jeffery 2019. Peranan kaunselor dalam menangani masalah ponteng sekolah. *International Journal of Supply Chain, Operation Management and Logistic*.
- [4] Norafifah Bali & Mohammad Hashim Othman. 2017. Keterlibatan dan Cabaran Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Terhadap Murid Berkeperluan Khas. *Asian Social Work Jurnal*.
- [5] Norafifah Bali & Mohammad Hashim Othman. 2017. Keterlibatan dan Kompetensi Kaunseling Multibudaya Guru Bimbangan dan Kauseling Sekolah Terhadap Murid Berkeperluan Khas. *Asian Social Work Jurnal*.
- [6] Norafifah Bali, & Mohamad Hashim Othman. (2019). Pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling kepada Murid Berkeperluan Khas. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 34, 87–103. <https://doi.org/10.21315/apjee2019.34.5>
- [7] Nor Radhiah Mohd Zaid & Abu Yazid Abu Bakar. 2018. Perkhidmatan Kaunseling Untuk Orang Kelainan Upaya (OKU). Bangi : Penerbit UKM.
- [8] Nur Rawaidah Rahmat. (2019). Modul Persediaan Kerjaya Murid Berkeperluan Khas Ke Arah Memenuhi Pasaran Pekerjaan Bidang Jahitan Pembuat Pakaian Lelaki. *Proceedings Of International Conference On Special Education*, 3.
- [9] Perekayasaan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling. 2012. Surat Siaran Kpm Bil 12/2012.
- [10] R. Ibrahim & M. Yasin. 2016. Pemilihan Bidang Pendidikan Bagi Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran, *Journal Of Advanced Research In Social And Behavioural Sciences*.
- [11] Rohaida Bakar, Rahimi Che Aman & Syed Mohamad Syed Abdullah. 2017. Efikasi Kendiri, Sikap, Kesediaan Dan Cabaran Menjalankan Kaunseling Klien Berkeperluan Khas, *Journal Of Nusantara Studies*.
- [12] Sazalia Mohd Salleh. 2019. Persepsi Guru Bimbingan Dan Kaunseling Dalam Menjalankan Kaunseling Kerjaya Dikalangan Murid Berkeperluan Khas, *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan 2019*.
- [13] Zakaria, N., Rubani, S. N. K. ., Ariffin, A. ., Hamzah , N. ., & Nordin, N. S. . 2020. Efikasi Kendiri, Kemahiran Employability Dan Pemilihan Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional. *Online Journal*

For Tvet Practitioners, 5(2), 71–76.

AUTHOR'S INFORMATION

<p>First Author: Rosli Suyot</p> 	<p>Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia, 62604 Putrajaya, Malaysia. E-mail: rosli.suyot@moe.gov.my</p>
<p>Second Author: Dr. Normadiyahana Abdullah</p> 	<p>Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia, 62604 Putrajaya, Malaysia. E-mail: normadiyahana.abdullah@moe.gov.my</p>
<p>Third Author: Lt. Kdr. PM Dr. Abu Yazid Abu Bakar TLDM (Bersara)</p> 	<p>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. E-mail: yazid3338@ukm.edu.my</p>

